

# Asri yakin Hamim dapat saingi Pas

KOTA BAHARU, Ahad — Datuk Haji Mohd Asri Muda berkata, beliau tidak bimbang dengan tindakan Pas menjalankan kempen terhadap Hizbulmuslimin (Hamim), yang pada masa ini tidak dapat bergerak kerana belum didaftarkan secara rasmi.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja Hizbulmuslimin itu mensifatkan persaingan antara Pas dan Hizbulmuslimin "bukanlah perlumbaan lari jarak dekat" tetapi adalah sesuatu yang memerlukan masa panjang.

Sekiranya Pas telah bergerak sekarang "bererti Pas berlari sebelum wisel berbunyi", katanya kepada pemberita semasa sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan berchat pagi tadi.

Datuk Haji Asri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kubang Kerian yakin, Hizbulmuslimin akan dapat menyaingi kegiatan Pas itu apabila pendaftarannya diluluskan.

## Mengkritik

Beliau yang juga bekas Yang Dipertua Agung Pas berkata demikian ketika diminta mengulas kegiatan Pas, khususnya di Kelantan untuk melemahkan sokongan kepada parti baru itu.

Antara kegiatan itu termasuklah mengadakan ceramah di Kelantan untuk mengkritik penubuhan parti Hizbulmuslimin.

Selain dari tokoh-tokoh Pas tempatan, bekas Setiausaha Agung parti itu, En-



**DATUK MOHD ASRI**  
cik Abu Bakar Hamzah juga dilaporkan mengadakan ceramah di Tumpat dan Bacuk baru-baru ini. Sementara itu, Berita Harian diberitahu surat permohonan pendaftaran Parti Hizbulmusli-

min akan dikemukakan kepada Pendaftaran Pertubuhan di Kuala Lumpur hari ini.

Surat itu akan diserahkan sendiri oleh Setiausaha Jawatankuasa Penaja Hizbulmuslimin, Haji Hassan Mohammad yang juga Ahli Parlimen kawasan Rantau Panjang.

Ketika ditemui di Dewan Undangan Negeri Kelantan di sini, Datuk Nik Man Nik Mat, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Meranti yang juga bendahari jawatankuasa penaja parti mengesahkan perkara itu.

Beliau tidak dapat memastikan bila urusan pendaftaran itu akan selesai.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia